

Kerajaan setuju tubuh Institut Pemikiran Dr. Mahathir

UM 22 JUN 2003

KUALA LUMPUR 21 Jun — Kerajaan bersetuju untuk menubuhkan Institut Pemikiran Dr. Mahathir sebagai tanda penghargaan negara dan rakyat atas jasa, sumbangan serta perkhidmatan beliau kepada negara.

Persetujuan bagi penubuhan institut itu diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri yang juga Timbalan Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika menyampaikan ucapan penggulungan di hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO ke-54 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), hari ini.

Semalam, ketika membahas ucapan dasar Presiden, Pengerusi Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed mencadangkan penubuhan institut itu bagi mengiktiraf kejayaan Perdana Menteri membangunkan tama-

dun Melayu Islam era moden dalam tempoh 22 tahun.

Menurut Mustapa, penubuhan institut itu perlu kerana di bawah kenimpinan Dr. Mahathir, Malaysia telah berjaya menjadi sebuah negara Islam contoh di dunia.

Sementara itu, dalam ucapan penggulungan tersebut, Abdullah menegaskan, ahli-ahli UMNO di peringkat akar umbi akan sentiasa menginsafkan beliau dan akan menjadi inspirasi kepadanya dalam memimpin parti pada masa hadapan.

Menurutnya, ramai di kalangan ahli UMNO yang tidak berpeluang ke PWTC sepanjang hayat mereka menjadi ahli tetani mereka tetap bersemangat membawa nada dan suara perjuangan parti.

"Mereka ahli-ahli parti yang telah memberikan kita kekuatan, cecal dan setia kepada parti kepa-

da perjuangan. Mereka tidak bernama, tidak berjawatan, tidak berkedudukan.

"Mereka menyinarkan senyum riang senyum syukur, gembira jika berkesempatan bersalaman dengan barisan pemimpin UMNO.

"Sesungguhnya saya banyak belajar dari mereka, merekalah sumber inspirasi saya di dalam parti. Merekalah membuatkan saya begitu insaf akan nikmat yang Allah anugerahkan," katanya.

Tambah Abdullah, beliau akan menerima amanah dan kepercayaan yang diberikan oleh Dr. Mahathir dan ahli-ahli UMNO untuk menerajui parti dan akan mengamalkan pendekatan tegas, adil dan saksama dalam memimpin.